

**Ekonomi Malaysia Boleh Berkembang Lebih 5.5 Peratus Tahun Depan, Kata Firma Penganalisis Bernama**  
**1 Oktober, 2012**  
**Oleh Prem Kumar Panjamothy**

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Ekonomi Malaysia berpotensi untuk berkembang mengatasi sasaran kerajaan pada 4.5 peratus hingga 5.5 peratus tahun depan, kata firma penganalisis Spire Research and Consulting Pte Ltd yang berpangkalan di Singapura.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Leon Perera berkata persekitaran ekonomi global yang bertambah baik, peningkatan keyakinan pengguna di Malaysia serta kawalan fiskal berhemat kerajaan adalah antara faktor penyumbang utama yang menyokong sasaran tersebut.

"Saya yakin Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia tahun depan lebih tinggi atau malahan melepasi sasaran 5.5 peratus.

"Krisis di zon Eropah dan isu kewangan Amerika Syarikat dijangka mencatatkan proses pemulihan perlahan, yang akan membolehkan ekonomi-ekonomi lain menjadi lebih kukuh," katanya kepada Bernama Isnin.

Perera berkata usaha kerajaan menambah baik ekonomi menerusi pelbagai inisiatif seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) akan disokong menerusi langkah-langkah yang diumumkan dalam Belanjawan 2013.

"Belanjawan 2013 merupakan pakej fiskal menyeluruh bagi menangani kebimbangan semua isu ekonomi di Malaysia, mengambil kira tempoh tidak menentu sekarang," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak membentangkan Belanjawan 2013 di Parlimen pada 28 Sept.

Ditanya mengenai beberapa kelemahan dalam pengumuman peruntukan belanjawan tahunan itu, Perera berkata: "Kami menjangkakan jadual berstruktur bagi pengenalan dan

pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) serta penyusunan semula subsidi yang lebih baik."

Dalam perkembangan berkaitan, Perera berkata Spire Research and Consulting, syarikat perunding penyelidikan utama dalam pasaran sedang pesat membangun global, juga menjangkakan hasil tinggi bagi kerajaan tahun depan, mengatasi sasaran sangat "konservatif" pada RM208 bilion.

mencapai sasaran itu, kerajaan Malaysia perlu mewujudkan arus pendapatan lebih meluas dan mempelbagaikan asas pendapatan semasa, katanya.

"Perbelanjaan subsidi mencatatkan kira-kira RM40 bilion setahun bagi kerajaan. Jika ada proses rasionalisasi, ia akan menyediakan hasil yang lebih baik daripada arus pendapatan baharu.

"Kami juga menjangkakan lebih banyak rasionalisasi di masa depan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698750>